

NO. SOALAN: ...1

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH (SETIU)
TARIKH : 24 MAC 2014

SOALAN:

TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH (SETIU) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan bagi memperkasakan institusi masjid di negara ini supaya memainkan peranan bagi memangkinkan modal insan (Muslim) yang berkualiti dan nyatakan program imarah masjid sebagai pusat penyebaran maklumat tepat mengenai Islam bagi membanteras gejala ajaran sesat yang kian menular dalam masyarakat.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, masjid dan surau adalah di bawah bidang kuasa dan peranan pihak berkuasa agama di negeri masing-masing seperti yang termaktub dalam Butiran1, Senarai 2,

Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Pada masa yang sama, di peringkat Persekutuan, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa serius dalam memperkasakan institusi masjid di negara ini untuk melahirkan modal insan berkualiti melalui **pelaksanaan kelas pengajian takmir** di masjid dan surau di seluruh negara. Untuk kelas takmir seluruh Malaysia Kerajaan telah melantik sebanyak 3,759 guru takmir yang mengajar secara bulanan juga mingguan, berdasarkan jadual yang disusun oleh ahli jawatankuasa masjid. Disamping yang sama, pihak pengurusan masjid juga menyediakan penceramah dan tenaga pengajar yang dijemput oleh masjid.

Disamping yang sama, **program-program pengimarahannya masjid** sentiasa diadakan semasa ke semasa dengan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Antaranya program Multaqa Imam, Guru Takmir dan Jawatankuasa Masjid Kariah Seluruh Negara.

Melalui program ini, guru-guru takmir dan imam-imam masjid / surau seluruh Malaysia juga **didedahkan dengan isu-isu semasa berkaitan akidah** dan seumpamanya sebagai usaha membanteras gejala ajaran sesat yang kian menular dalam masyarakat.

Sekian, terima kasih.